

14/07/1999

Projek MSC pada landasan terbaik

Mohd Azlan Jaafar; Hizral Tazzif Hisham

RANCANGAN Malaysia membangunkan industri teknologi tinggi menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) menerima sokongan padu anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Panel yang ditubuhkan khusus untuk memberi nasihat dalam perancangan projek teknologi ulung itu percaya Malaysia berada dalam landasan baik dalam mencapai matlamatnya membina industri berdasarkan maklumat.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Hewlett-Packard Co (HP), Datuk Lewis Platt, berkata, Malaysia sudah melaksanakan yang terbaik dari segi infrastruktur dan dasar sejak dua tahun lalu.

"Melihatkan apa yang dipertunjukkan dan komitmen yang ditunjukkan kerajaan dalam membangunkan MSC, saya amat positif mengenai masa depan MSC," katanya ketika ditemui di Cyberjaya, minggu lalu.

Platt berkata, langkah seterusnya ialah mendapatkan lebih banyak syarikat bertaraf dunia untuk melabur dalam MSC terutama dalam membina tenaga kerja dan keupayaan asas.

"Pembabitan syarikat besar penting dalam menarik peserta industri yang sesuai untuk pembangunan MSC," kata Platt yang turut menganggotai IAP dan menerajui syarikat perkomputeran, HP Co. dengan perolehan AS\$47 bilion tahun lalu.

Ketua Eksekutif Acer Inc (Acer), Datuk Dr Stan Shih turut kagum dengan pencapaian MSC sehingga ini.

"MSC sedang berkembang pada kadar yang baik dengan banyak syarikat besar mengambil bahagian dalam projek ini," katanya.

Langkah seterusnya, kata Shih ialah untuk melihat lebih banyak syarikat dengan modal yang besar untuk menjayakan MSC kerana syarikat itu mempunyai keupayaan modal dan kepakaran pentadbiran.

Beliau turut menyarankan kerajaan agar memperkenalkan insentif tambahan bagi menarik lebih banyak syarikat bertaraf global ke MSC.

Pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation (SGI), berkata kemajuan MSC jelas dipaparkan menerusi pelancaran pelbagai unit koridor itu termasuk pelancaran Cyberjaya, Universiti Multimedia dan Makmal NTT Corp.

Menurut Bob Bishop, kemajuan menakjubkan MSC adalah hasil daya usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu memberi kelebihan kepada Malaysia berbanding negara jiran.

"Persaingan sudah tentunya mewujudkan hasil menggalakkan. Maka persoalannya ialah bagaimana kita boleh membangunkan MSC dengan lebih cepat lagi," katanya sambil berpendapat, MSC perlu ada nilai moral dan sensitiviti Asia.

Pengarah Universiti Peking, Prof Wang Xuan, yang dilantik buat pertama kali menganggotai IAP, berkata beliau kagum dengan usaha gigih Kerajaan Malaysia membangunkan MSC.

"Berdasarkan apa yang sudah dibangunkan dalam tempoh dua tahun lalu, saya yakin MSC akan mencapai kejayaan," katanya.

Presiden Maklumat dan Jualan Jalur Lebar Siemens AG, Dr Wolfgang Essig, menyifatkan projek MSC mampu membawa negara memasuki era maklumat dan yakin ia menjadi pelantar terbaik kepada Malaysia untuk memulakan industri multimedia.

"Siemens AG akan cuba membawa bersama syarikat dalam kategori kecil dan sederhana di Jerman dan Eropah melabur di dalam MSC kerana yakin dengan kestabilan politik dan ekonomi negara," katanya.

Penasihat Pejabat Sains Sun Microsystems Corp, Dr John Gage, berkata beliau yakin dengan masa depan MSC kerana projek ini berjalan dengan lancar dan lebih cepat daripada jadual asal.

"Sebahagian ahli IAP terkejut dengan perkembangan dan kemajuan MSC kerana dalam keadaan ekonomi mengalami kegawatan projek ini masih berjalan dengan lancar malah dapat disiapkan lebih cepat daripada yang dirancangkan," katanya.

Kegawatan ekonomi pertama dalam tempoh 13 tahun tidak menjadi penghalang Malaysia meneruskan projek MSC, memadamkan anggapan projek hub multimedia Asia itu akan terganggu.

Perdana Menteri dalam ucap tama sempena pelancaran Cyberjaya berkata "Pencapaian sehingga kini jelas membuktikan keupayaan Malaysia membangunkan infrastruktur fizikal dan struktur maklumat MSC pada kadar yang amat pantas.

Dr Mahathir berkata "Ketika kegawatan ekonomi yang baru lalu, MSC diberi keutamaan baik dari segi pembiayaan dan sokongan dasar."

IAP yang menjadi penasihat kepada projek MSC itu sebelum itu diberi taklimat mengenai langkah pemulihan ekonomi Malaysia, perkembangan politik semasa serta langkah bagi meneruskan pembangunan MSC oleh Dr Mahathir.

Selain itu, ahli dan wakil IAP turut diterangkan mengenai kemajuan infrastruktur utama dan lain, syarikat berstatus MSC dan perkembangan aplikasi perdana.

Cyberjaya yang menjadi nadi pembangunan perisian dan aplikasi multimedia dalam hub MSC disiapkan hanya dalam tempoh kurang daripada tiga tahun dan kini sedia diduduki oleh syarikat teknologi multinasional dan tempatan.

MSC merangkumi Cyberjaya, Putra Jaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC) dan menara kembar KLIA.

(END)